

**Pembangking Pilih Lajim Sebagai Ketua Pembangking Negeri  
Bernama  
15 Jun, 2013**

KOTA KINABALU, 15 Jun (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kilas, Datuk Seri Lajim Ukin sudah bersedia untuk menjadi pemimpin pembangking negeri di Dewan Undangan Negeri Sabah.

Setiausaha Parti Keadilan Rakyat (PKR) Sabah, Dr Roland Chia berkata Lajim menang dalam proses pemilihan dalaman di kalangan ahli-ahli pembangking.

Menurutnya proses pemilihan itu telah diadakan sebaik sahaja selesai majlis angkat sumpah Anggota DUN Sabah di Bangunan DUN Sabah di Likas, dekat sini, pada 13 Jun lepas.

"Seperti dinyatakan oleh Speaker (Datuk Seri Salleh Tun Said), bahawa pelantikan ketua pembangking di DUN Sabah tidak termaktub atau tidak ada dalam perlembagaan negeri atau peraturan mesyuarat DUN Negeri.

"Jadi kami telah mengambil inisiatif untuk menentukan pemimpin pembangking kami di DUN negeri menerusi kaedah pemilihan konvensional.

"Hari ini, saya ingin mengumumkan bahawa Lajim disyorkan sebagai Ketua Pembangking," katanya kepada pemberita di sini.

Turut hadir ialah Lajim dan ADUN Api-Api Christina Liew.

Chia juga turut mengumumkan Liew sebagai 'whip' PKR di Sabah.

Whip berperanan menguatkuasakan disiplin parti dan memastikan kehadiran wakil rakyat dari parti itu pada persidangan DUN.

Pada Pilihan Raya Umum ke-13, 5 Mei lepas, Barisan Nasional (BN) mengekalkan kuasa di Sabah dengan majoriti dua pertiga selepas memenangi 48 daripada 60 kerusi DUN.

Sesi pertama persidangan DUN ke-13 dijadual dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Johar Mahiruddin, Isnin ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=956357>